

22 OCT 1999

DR MAHATHIR BERHARAP KEADAAN DI INDONESIA TENANG

JITRA, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap kemelut politik di Indonesia akan selesai berikutan keputusan pemilihan presiden dan naib presiden negara itu.

Beliau berpendapat keputusan pemilihan akan dapat membantu menenangkan keadaan di negara jiran itu.

"Saya doakan Indonesia akan terus aman dan berjaya," katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini, sebelum berlepas ke ibu negara setelah menamatkan lawatan kerja dua hari ke negeri ini.

Beliau berkata Malaysia menerima keputusan pemilihan itu kerana tidak campur tangan dalam urusan (dalaman) negara itu, disebabkan hak untuk memilih kedua-dua pemimpin itu adalah hak rakyat Indonesia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pemilihan Megawati Sukarnoputri sebagai Naib Presiden Indonesia.

-- BERNAMA

jm zb